

**Malaysia, Amerika Tandatangani MoU Mengenai Jenayah Rentas Negara  
Bernama  
17 Julai, 2012**

CYBERJAYA, 17 Julai (Bernama) -- Malaysia dan Amerika Syarikat Selasa meningkatkan kerjasama dalam bidang keselamatan melalui pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU) Mengenai Bantuan Berhubung Jenayah Rentas Negara.

Malaysia diwakili Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein, manakala Peguam Negara Amerika Syarikat Eric Holder menandatangani bagi pihak negaranya.

Hishammuddin berkata antara unsur penting yang terkandung dalam MoU itu ialah rasuah, yang bertujuan meningkatkan kesedaran mengenainya dalam kalangan agensi penguatkuasaan kedua-dua negara.

"Di samping itu, kedua-dua negara juga akan bekerjasama untuk memerangi pengeluaran senjata pemusnah besar-besaran dan pemerdagangan barangan strategik," katanya kepada pemberita selepas upacara menandatangani MoU itu di sini Selasa.

Beliau berkata kerjasama itu sejajar dengan Resolusi 1540 Majlis Keselamatan Bangsa Bersatu mengenai pengeluaran senjata nuklear, kimia dan biologi.

Ia juga sejajar dengan undang-undang Malaysia yang termaktub di bawah Akta Pemerdagangan Strategik 2010, katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=681384>

